

Mengukur Prestasi Keselamatan Proses

Ogos 2008

Risalah Keselamatan Proses (*Process Safety Beacon*) terbitan Julai 2008 membincangkan maksud "*Process Safety*". Risalah tersebut juga menyatakan bahawa petanda aras tradisi seperti kadar kemalangan, kecederaan hilang masa dan lain-lain bukanlah kaedah yang baik untuk mengukur tahap prestasi keselamatan proses.

Jadi, bagaimanakah caranya untuk kita menilai keberkesanan aktiviti pengurusan dan bagaimana untuk mengenal-pasti prestasi keselamatan proses kita samada bertambah baik atau tidak dari masa ke semasa? Bagaimana untuk kita menilai prestasi sesuatu loji atau unit berbanding dengan yang lain? Apakah yang harus kita fokuskan untuk mencapai tahap yang lebih baik?



Jika kaedah pengukuran tradisi tidak sesuai untuk mengawas prestasi keselamatan proses, kita harus mencipta dan menggunakan kaedah lain yang lebih berkesan. Banyak industri dan organisasi termasuk CCPS yang secara aktif membangunkan cara atau kaedah yang baru bagi mengukur prestasi keselamatan proses. Walau bagaimana pun, kaedah-kaedah tersebut tidak akan berkesan kecuali semua yang terlibat dalam industri proses faham apakah caranya dan mengapa ianya diperlukan. Dan yang paling penting, kita harus faham tugas dan tanggungjawab kita dalam mengguna-pakai kaedah-kaedah tersebut.

Adakah Anda Tahu?

- CCPS dengan kerjasama pihak industri, badan kerajaan dan pekerja telah memperkenalkan kaedah pengukuran prestasi keselamatan proses dan laporan mengenainya telah diterbitkan dalam bulan Desimber 2007 di laman web CCPS <http://www.aiche.org/ccps/>. Dua jenis petanda ukur dicadangkan iaitu Pengukur Sela Masa (*lagging indicator*) dan Pengukur Mendahulu (*leading indicator*).
- Pengukur Sela Masa digunakan untuk mengukur mengukur hasil atau prestasi sebenar yang telah dicapai seperti jumlah pelepasan bahan berbahaya, kebakaran, letupan dan kecederaan berkaitan proses yang telah terjadi.
- Pengukur Mendahulu digunakan untuk mengukur aktiviti pengurusan dan perancangan seperti status tindakan atau aktiviti, latihan dan lain-lain berkaitan integriti loji dan peralatan, termasuk pematuhan terhadap sistem dan prosedur kerja seperti pengurusan pertukaran (*management of change*) dan lain-lain yang dikenal-pasti boleh meramal prestasi masa hadapan.

Apa Harus And Lakukan?

- Anda harus tahu dan faham
 - Kaedah yang digunakan oleh syarikat anda untuk mengukur prestasi keselamatan proses.
 - Jenis kemalangan yang mesti dilaporkan di bawah program pengukuran keselamatan proses.
 - Bagaimana untuk melaporkan kemalangan keselamatan proses di tempat kerja anda.
- Lapurkan semua kemalangan berkaitan keselamatan proses. Pihak syarikat tidak boleh memperbaiki prestasi keselamatan proses jika ia tidak tahu kemalangan yang berlaku.
- Ketahui dan fahami kaedah Pengukur Mendahulu prestasi keselamatan proses di tempat kerja anda dan cara melaporkannya.
- Muat-turun dan baca laporan CCPS berkaitan pengukuran prestasi keselamatan proses.

Bagaimana Organisasi Anda Mengukur Prestasi Keselamatan Proses?

AIChE © 2008. Hak Milik Terpelihara. Penerbitan semula untuk tujuan pendidikan adalah digalakkan. Walau bagaimana pun, terbitan semula untuk jualan oleh pihak selain CCPS adalah dilarang. Sila hubungi CCPS ccps_beacon@aiche.org atau 212-591-7319